

01 OCT 1998

Negara-niaga (bahas)

MALAYSIA MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG YANG ADIL TERHADAP TAHANAN

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Malaysia adalah negara yang adil dan saksama kerana memberi layanan yang baik kepada orang yang ditahan seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Acara Jenayah (CPC) Seksyen 112 dan 113, kata Senator Yim Chee Chong.

Mengikut undang-undang tersebut, pihak polis tidak boleh menggunakan kekerasan, ugutan atau memukul semasa mengambil kenyataan berhemat untuk diserahkan ke mahkamah sebagai keterangan daripada orang yang ditahan, katanya.

Jika kekerasan atau ugutan digunakan, kenyataan itu tidak diterima oleh mahkamah dan orang yang dituduh di mahkamah itu akan dibebaskan, katanya.

"Tetapi ada anggota polis yang tidak ikut undang-undang atau tidak tahu undang-undang dengan memukul dan mengancam tahanan," kata Yim yang mempunyai pengalaman sebagai peguamcara/bela kes-kes jenayah selama 12 tahun.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998 di Dewan Negara hari ini.

Yim juga menyorot kembali kata-kata Tun Hanif Omar semasa menjadi Ketua Polis Negara iaitu mana-mana anggota atau pegawai polis, tidak mengira pangkatnya, yang menggunakan kekerasan untuk menentang seseorang tahanan di dalam lokap, akan tetap dikenakan tindakan oleh polis.

Ini menunjukkan Malaysia masih mengamalkan demokrasi, katanya.

Sementara itu, Yim juga meminta pemberita tempatan supaya menentang berita-berita palsu kerana media asing dengan niat yang jahat telah cuba meruntuhkan imej negara.

Menurutnya, Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pejuang bukan sahaja untuk negara tetapi seorang pahlawan yang berjuang untuk nasib negara yang miskin, kecil dan tertindas.

Suara Dr Mahathir dalam Dunia Ketiga adalah suara rakyat dunia yang memperjuangkan untuk keadilan.

"Oleh itu kuasa besar asing tak sukakan Perdana Menteri dan menggunakan kegawatan ekonomi yang berlaku di negara ini untuk menjatuhkan PM. Tetapi perjuangan adil dilindungi oleh Tuhan dan disokong oleh rakyat Malaysia," katanya.

Katanya, negara-negara asing yang bersemangat keadilan menyokong perjuangan Dr Mahathir di arena politik dunia.

Sementara itu Senator Datuk Zainuddin Maidin berkata satu penyesuaian harus dibuat serta keyakinan harus diberikan terhadap apa-apa langkah yang dilakukan oleh kerajaan baru-baru ini.

Ini adalah kerana banyak langkah-langkah yang dibuat telah menimbulkan keraguan dan disalah-ertikan.

"Tidak lagi harus berlaku signal-signal yang berasingan. Kita perlu membina keyakinan diri terhadap langkah yang diambil. Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan harus menyesuaikan dengan perasaan jujur, penuh kepercayaan dan penuh komitmen terhadap pembaharuan yang telah diadakan dan memastikan dasar-dasar berjalan dengan sewajarnya," katanya.

Menurut Zainuddin, bukan semua akhbar asing yang mempunyai sikap yang pasif terhadap langkah yang dilakukan oleh Malaysia kerana ada wartawan yang bersimpati dengan Malaysia terutama mereka yang mempunyai pengertian serta kefahaman mengenai langkah yang diambil, seperti di Herald Tribune.

Malangnya jiran kita Singapura, katanya, telah melihat langkah yang dibuat oleh Malaysia dengan perasaan cemas sehinggakan Perdana Menteri Goh

Chok Tong dikatakan telah pergi ke Washington dan menjalankan kempen supaya negara-negara lain tidak mengikuti langkah-langkah kewangan yang di buat oleh Malaysia.

"Hal ini amat menyedihkan. Sepatutnya kalau kita percaya kepada kemakmuran bersama, keyakinan sepenuhnya harus ditunjukkan oleh Singapura yang terpaksa menerima hakikat bahawa ia adalah negara kecil yang tidak mempunyai bahan mentah. Ia seharusnya melihat kepada rakannya, yang dulu dianggap bodoh, telah dapat menunjuk keupayaan membangun negara sendiri dan juga dapat membantunya. Singapura harus menerima dengan ikhlas dan berkeyakinan yang kita berpegang kepada kemakmuran bersama," katanya.

Katanya Singapura harus sedar bahawa langkah yang dilakukan oleh Malaysia adalah untuk kepentingan bersama. Malaysia perlu jiran yang kuat dan tidak memberi masalah kepadanya dan tahu menilai hati budi rakan-rakannya.

-- Bernama

sho WAT